

# RM808 juta laksana 54 projek tebatan banjir

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 54 lagi projek tebatan banjir dilaksanakan tahun ini melalui peruntukan RM808 juta dengan tumpuan diberi kepada pencegahan banjir yang berpunca daripada limpahan sungai.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Unggah Embas (**gambar**) berkata, ini kerana banjir akibat limpahan sungai akan membawa kesan yang lebih buruk daripada segi kerosakan serta melibatkan jumlah mangsa yang lebih ramai jika dibandingkan dengan banjir kilat akibat masalah saliran tempatan.

“Walaupun dari semasa ke semasa terdapat kejadian banjir di beberapa negeri, kita perlu faham tanpa tindakan-tindakan pencegahan yang dilaksanakan oleh kerajaan, kejadian banjir di negara ini akan berlaku lebih kerap dan lebih teruk lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Forum Pengurusan Sumber Air Malaysia 2012 di Perbadanan Putrajaya di sini semalam.



Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Ahmad Husaini Sulaiman yang juga Pengerusi Persatuan Perikatan Air Malaysia.

Douglas berkata, selain kejadian banjir dan kemarau yang memberi impak kepada kualiti dan kuantiti sumber air negara, pencemaran sungai juga boleh memberi kesan kerana sungai menyumbang lebih 95 peratus daripada bekalan air negara.

Beliau berkata, sungai-sungai terutamanya di kawasan yang pesat membangun seperti Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru semakin terancam dan pemantauan kualiti air sungai yang

dijalankan Jabatan Alam Sekitar tahun lalu mendapati 8.4 peratus sungai di negara ini adalah tercemar, 32.3 peratus sedikit tercemar dan baki 59.3 peratus adalah bersih.

Dalam pada itu, Douglas berkata, langkah-langkah penjimatan air terutama bagi kegunaan sektor pertanian perlu diberi perhatian kerana ia merupakan pengguna terbesar sumber air di Malaysia iaitu sebanyak 51 peratus diikuti dengan domestik dan industri sebanyak 33 peratus.

“Kajian menunjukkan di kawasan jelapang padi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dengan keluasan lebih kurang 100,000 hektar, kecekapan pengairan adalah pada purata 70 peratus.

“Begitu juga dengan penggunaan air untuk domestik dan industri di mana turut berlaku kehilangan air yang banyak berpandukan kepada rekod air tidak berhasil yang berlaku di dalam bekalan air negeri-negeri dengan purata 36 peratus,” katanya. – Bernama